

## NEO-JURNALISME: ANJAKAN PARADIGMA DUNIA BERITA DAN IMPLIKASINYA

**Nizal Mohammad**

Yayasan Ilham Budi

### ABSTRAK

Rencana ini meneroka konsep neo-jurnalisme sebagai evolusi kewartawanan dalam era digital. Ia menganalisis bagaimana landskap media tradisional berubah akibat kemunculan platform digital, peranan algoritma serta kebangkitan pencipta kandungan bebas. Perbincangan turut meneliti cabaran utama seperti penyebaran maklumat palsu dan bagaimana media serta wartawan menyesuaikan diri melalui penggunaan teknologi, model perniagaan baharu dan kaedah penyampaian yang lebih interaktif. Matlamat utama rencana ini adalah untuk menjelaskan kepentingan perubahan tersebut serta kesannya kepada khalayak, organisasi berita konvensional dan masa depan kewartawanan secara keseluruhan

### NEO-JURNALISME – SUATU PENGENALAN

Dunia kewartawanan hari ini berada di tengah-tengah gelombang perubahan paling besar sejak kemunculan media cetak, radio dan televisyen. Perkembangan teknologi digital, kebangkitan media sosial serta kemunculan pencipta kandungan bebas telah mengubah bukan sahaja cara berita disampaikan, malah bagaimana ia dihasilkan, disebarkan dan dinilai oleh masyarakat (*Reuters Institute Digital News Report, 2025*).

Dalam konteks ini, lahirlah konsep neo-jurnalisme - satu paradigma baharu yang menuntut wartawan, institusi media dan khalayak awam menyesuaikan diri dengan ekosistem maklumat yang lebih pantas, terbuka dan interaktif.

Neo-jurnalisme berakar daripada nilai tradisional kewartawanan seperti kebenaran, ketepatan dan integriti, namun ia kemudian pesat berkembang dan membentuk keserasian dengan landskap digital masa kini. Ia bukan sekadar memindahkan berita ke arena dalam talian (*online*), sebaliknya turut meliputi wahana penceritaan pelbagai platform seperti *multimedia, podcast, infografik, video pendek dan format interaktif*. Pendekatan ini turut melibatkan penggunaan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) selain membina hubungan interaktif dua hala yang begitu aktif dan kritikal dengan khalayak awam (*Associated Press Standards for Generative AI, 2023; BBC AI Principles, 2024*).

Neo-jurnalisme mewakili fasa baharu dalam evolusi kewartawanan. Ia melangkaui takrifan tradisional yang berpusat pada media cetak dan siaran, dengan mengintegrasikan teknologi digital dan budaya internet dalam penyampaian berita. Prinsip asasnya kekal pada nilai teras kewartawanan - kebenaran, ketepatan dan keadilan - namun kaedah penyampaiannya disesuaikan dengan realiti dunia digital yang pantas dan pelbagai platform. Ia bukan lagi sekadar penulisan berita, tetapi merangkumi penggunaan format multimedia seperti video pendek, podcast, infografik dan thread media sosial bagi mencapai sasaran audien tidak kira di mana sahaja mereka berada (*Hermida, 2010*).

Fenomena media sosial memperlihatkan bagaimana setiap individu yang memiliki telefon pintar berpotensi menjadi pelapor berita dalam masa nyata (*realtime*). Situasi ini memperluas akses kepada maklumat. Namun pada masa yang sama keadaan ini menimbulkan cabaran besar terhadap kesahihan berita dan ketahanan ekosistem maklumat (*Pew Research Center, 2024*). Dalam konteks Malaysia, keadaan ini dapat dilihat semasa bencana banjir besar, di mana maklumat awal sering dikongsi oleh komuniti setempat melalui platform digital sebelum disahkan oleh media arus perdana.

Justeru, neo-jurnalisme menuntut bukan sahaja inovasi teknologi, tetapi juga anjakan pemikiran. Wartawan perlu menjadi lebih serba boleh (*multi-talented*), khalayak awam lebih celik media, dan institusi media lebih telus serta berdaya saing dalam menghadapi realiti landskap komunikasi yang sentiasa berubah (*European Commission on Media Literacy, 2023*).

### **Faktor Pemangkin Perubahan**

Ternyata, neo-jurnalisme adalah respons terhadap krisis kepercayaan dan ledakan maklumat abad ke-21. Ia meletakkan kewartawanan bukan sekadar penyampai berita, tetapi sebagai penghubung masyarakat yang merangkumkan teknologi, kreativiti dan nilai etika bagi memastikan realiti kebenaran terus menjadi tunjang dalam dunia yang dipenuhi maklumat yang kesahihannya bercampur-aduk (*Tow Center for Digital Journalism, 2024; Content Authenticity Initiative, 2025*).

Perubahan landskap media didorong oleh beberapa faktor utama:

#### **(1) Fenomena "Now Everyone is a Reporter-Publisher"**

Dalam era neo-jurnalisme, sempadan antara wartawan profesional dan orang awam semakin kabur. Dengan hanya berbekalkan telefon pintar dan akses internet, sesiapa sahaja kini berpotensi menjadi pelapor dan penerbit berita. Mereka mampu merakam, menulis, menyunting dan menyiarkan maklumat kepada ribuan atau jutaan penonton dalam masa yang singkat. Fenomena ini mempercepatkan aliran maklumat, namun pada masa yang sama meningkatkan risiko penyebaran kandungan yang tidak disahkan.

## (2) Perubahan Tingkah Laku Khalayak

Khalayak awam kini lebih cenderung mendapatkan maklumat melalui platform media sosial seperti *Facebook*, *X (Twitter)* dan *TikTok*, sering kali sebelum laporan rasmi disiarkan (*Reuters Institute, 2023*). Golongan muda khususnya, menganggap platform ini sebagai sumber berita utama, sekaligus memaksa organisasi media menyesuaikan strategi kandungan dan pendekatan penyampaian mereka dalam perkongsian berita agar serasi dan diterima relevan di kalangan generasi muda (*Pew Research Center, 2022*).

## (3) Kebangkitan Pencipta Kandungan (*Content Creator*)

Peningkatan pengaruh pencipta kandungan bebas (*independent content creators*) serta "pelapor bebas" (*independent informants*) yang beroperasi di luar bilik berita tradisional telah mencabar monopoli media arus perdana. Melalui platform seperti YouTube, Substack dan Patreon, mereka mampu membina hubungan langsung dengan audiens, menawarkan perspektif alternatif serta menjana pendapatan melalui model langganan (*Waisbord, 2019*). Dalam konteks Malaysia, perkembangan podcast bebas, saluran digital komuniti dan media alternatif mencerminkan perubahan struktur ruang wacana awam yang semakin terbuka dan *independent*.

## (4) Dominasi Platform Teknologi

Jika dahulu peranan *gatekeepers* atau penjaga gerbang berita dilakukan oleh stesen televisyen dan syarikat media. Kini fungsi tersebut banyak diambil alih, malah ditentukan oleh algoritma dan platform teknologi seperti *Google*, *Meta* dan *TikTok*. Mereka mempengaruhi kandungan yang disebarkan serta menentukan aliran maklumat kepada masyarakat. Keadaan ini menimbulkan cabaran kerana algoritma bukan sahaja boleh mempercepatkan penyebaran maklumat palsu, walaupun pada masa yang sama menawarkan peluang kepada organisasi media untuk membina hubungan terus dengan khalayak awam melalui saluran digital (*Gillespie, 2018*).

## CABARAN DAN INOVASI DALAM NEO-JURNALISME

### Memerangi Maklumat Palsu dan AI

Peningkatan penggunaan teknologi kecerdasan buatan telah mempercepatkan penghasilan kandungan digital, termasuk imej, audio dan video yang sukar dibezakan daripada realiti. Fenomena *deepfake* serta penyebaran berita palsu yang meyakinkan menimbulkan cabaran serius terhadap kredibiliti media dan kepercayaan awam. Dalam menghadapi situasi ini, organisasi berita dan syarikat teknologi perlu memperkukuh kerjasama melalui beberapa inisiatif strategik:

- Penyemakan Fakta (*Fact-Checking*)

Wartawan dan organisasi berita kini perlu menguasai kemahiran penyemakan fakta yang lebih berkesan. Penggunaan platform dan alat digital bagi mengesahkan sumber, imej dan video menjadi keperluan asas dalam proses pelaporan. Di Malaysia, misalnya, usaha semakan fakta oleh beberapa organisasi media dan platform bebas seperti *Sebenarnya.my* dengan slogan *Tidak Pasti Jangan Kongsi* telah membantu menangkis penyebaran maklumat tidak tepat, khususnya semasa krisis kesihatan awam dan pilihan raya.

- Peraturan Ketelusan

Perkembangan teknologi AI turut mendorong penggubalan dasar dan peraturan baharu. Akta seperti EU AI Act menuntut kandungan yang dihasilkan oleh AI, termasuk *deepfake*, dilabelkan secara jelas. Pendekatan ini bertujuan memastikan ketelusan maklumat sambil melindungi kepentingan pengguna media dalam persekitaran digital yang semakin kompleks.

- *Content Credentials*

Teknologi digital seperti *watermark* dan sistem penjejakan kandungan membolehkan sumber serta sejarah suntingan sesuatu bahan digital dikenal pasti. Inisiatif seperti *Content Credentials* yang dijanakan oleh standard C2PA membantu khalayak awam menilai ketulenan maklumat dan mengukuhkan kepercayaan terhadap kandungan yang diterbitkan (*Adobe, 2023*).

### Transformasi Model Perniagaan

Perubahan landskap media turut memaksa organisasi berita menilai semula model perniagaan tradisional. Kebergantungan kepada pengiklanan cetak tidak lagi mampan dalam era digital yang kompetitif. Justeru, media kini beralih kepada pendekatan pendapatan yang lebih pelbagai dan lestari seperti:

- Langganan dan Keahlian

Model *paywall* dan program keahlian memberi peluang kepada pembaca atau audiens menyokong organisasi media secara langsung. Pendekatan ini bukan sahaja menjana pendapatan, malah membina hubungan yang lebih erat antara wartawan (termasuk agensi media) dengan komuniti pembaca. Contoh:

- The New York Times dan Utusan Malaysia (Digital) yang memberikan akses kepada beberapa artikel percuma sebulan, tetapi artikel "Premium" memerlukan langganan bulanan.
  - Substack: Penulis bebas menghantar emel terus ke peti masuk pembaca. Pembaca membayar yuran bulanan untuk membaca penulisan yang lebih mendalam dan peribadi.
- Pemasaran Kandungan (*Branded Content*)

Organisasi media turut memanfaatkan kepakaran kewartawanan untuk menghasilkan kandungan berjenama yang memenuhi keperluan klien tanpa mengabaikan etika profesional. Strategi ini menjadi salah satu sumber pendapatan alternatif yang semakin berkembang dalam industri media global. Antara strateginya:

- Rencana atau Artikel Tajaan (*Sponsored Articles*)  
Sesebuah organisasi media menulis artikel mendalam mengenai isu yang berkaitan dengan perniagaan klien, tetapi mengekalkan nilai maklumat. Contoh: *Sebuah portal berita bekerjasama dengan syarikat insurans untuk menghasilkan siri artikel tentang "Tips Kewangan Selepas Persaraan". Artikel tersebut memberikan nasihat berguna, namun secara halus menyebut bagaimana produk insurans tersebut membantu dalam perancangan itu.*
- Siri Dokumentari Pendek atau Video Naratif  
Menggunakan kepakaran produksi media untuk menceritakan kisah di sebalik sesuatu jenama atau produk. Contoh: *Organisasi media menghasilkan video dokumentari tentang warisan Batik Malaysia. Dalam penceritaan tersebut, mereka memaparkan bagaimana sebuah syarikat penerbangan nasional menggunakan motif batik dalam seragam mereka sebagai simbol identiti negara.*
- Segmen Khas dalam Podcast atau Siaran Radio  
Menyuntik perbincangan pakar yang ditaja ke dalam program sedia ada. Contoh: *Dalam satu rancangan bual bicara pagi yang popular, satu slot khas diperuntukkan untuk membincangkan "Teknologi Kenderaan Elektrik (EV)". Pakar jemputan adalah dari syarikat automotif, namun perbincangan fokus kepada masa depan kelestarian alam, bukan hanya menjual kereta.*

- *Native Advertising* (Iklan Tempatan)  
Iklan yang reka bentuk dan gaya bahasanya menyerupai kandungan asal platform tersebut.  
Contoh: Di dalam aplikasi berita, terdapat pautan bertajuk "10 Destinasi Tersembunyi di Asia yang Perlu Anda Lawati". Apabila diklik, kandungan tersebut sangat bermaklumat tetapi sebenarnya ditulis dan ditaja oleh agensi pelancongan.

- Acara dan Latihan

Penganjuran acara langsung, bengkel serta program latihan turut menjadi saluran pendapatan baharu. Di Malaysia, beberapa organisasi media dan institusi komunikasi telah mengembangkan peranan mereka sebagai penyedia latihan profesional dan platform wacana masyarakat (Bock, 2021). Antara yang pernah dilaksanakan:

- Bengkel Kemahiran Profesional: Organisasi media menggunakan wartawan atau penyiar senior mereka untuk melatih orang awam atau korporat. Contohnya, Bernama Media Relations & Training (BMRT) dan Star Media Academy.
- Latihan oleh Tokoh & Wartawan Veteran: Wartawan veteran sering menggunakan "personal branding" dan kredibiliti mereka untuk beralih ke bidang latihan profesional. Contohnya: Datuk Aznil Hj Nawawi (Pak Nil) kini menubuhkan akademi latihan pengacaraan dan komunikasi melatih usahawan, orang ramai termasuk pelajar tentang seni komunikasi di hadapan kamera.

### **Peranan AI dalam Bilik Berita**

Kecerdasan Buatan (AI) kini menjadi sebahagian daripada operasi harian bilik berita moden. Ia bukan lagi sekadar alat futuristik, tetapi teknologi praktikal yang membantu mempercepatkan aliran kerja, meningkatkan ketepatan dan memperluas kemampuan penceritaan. Namun begitu, penggunaannya perlu dikawal melalui garis panduan etika yang jelas agar kredibiliti kewartawanan tidak terjejas (Associated Press, 2023; BBC AI Principles, 2024). Antara keupayaan AI dalam bilik berita termasuk:

- Penyelidikan dan Penganalisan Data

AI mampu menapis ribuan dokumen, laporan dan sumber berita dalam masa yang singkat. Teknologi ini membantu wartawan mengenal pasti corak, trend atau anomali dalam data besar (*big data*) bagi menghasilkan laporan penyiasatan yang lebih mendalam (Tow Center for Digital Journalism, 2024).

- Automasi Tugas Rutin

AI memudahkan proses transkripsi temu bual, terjemahan kandungan antarabangsa serta penyediaan ringkasan awal berita. Wartawan kemudiannya menilai dan menyemak bahan tersebut bagi memastikan ketepatan maklumat dan keselarasan tertib bahasa (*Associated Press Generative AI Standards, 2023*).

- Penciptaan Visual dan Interaktif

Penggunaan AI dalam penghasilan infografik, peta interaktif atau simulasi digital membantu khalayak awam memahami isu kompleks dengan lebih jelas. Teknologi ini turut digunakan dalam analisis imej satelit dan video bagi liputan berkaitan bencana, perubahan iklim atau konflik (*European Broadcasting Union AI Use Cases, 2024*).

- Personalisasi Kandungan

Algoritma AI membolehkan cadangan berita disesuaikan dengan minat serta corak pembacaan khalayak. AI bertindak sebagai "pustakawan pintar" yang memerhati apa yang anda suka baca, kemudian menyusun berita yang paling relevan di bahagian atas paparan anda supaya anda tidak terlepas maklumat yang penting buat anda. Contohnya, penggunaan FYP (*For Your Page* atau "*For You*" Feed). Pendekatan ini meningkatkan tahap penglibatan dan relevansi kandungan dalam persekitaran media digital (*Reuters Institute Digital News Report, 2025*).

- Pengesahan Fakta dan Kesahihan Media

AI juga digunakan untuk mengesan manipulasi imej atau video serta menilai kesahihan sumber. Seperti disentuh sebelum ini, integrasi teknologi seperti *Content Credentials (C2PA)* membantu mengekalkan jejak digital kandungan dan menyokong usaha membina semula kepercayaan terhadap media (*Content Authenticity Initiative, 2025*).

## NEO-JURNALISME DAN SENARIO MASA DEPAN

### Tuntutan Inovasi dan Anjakan Pemikiran

Neo-jurnalisme menuntut bukan sahaja inovasi teknologi, tetapi juga perubahan cara berfikir (anjakan pemikiran) buat semua pihak yang terlibat dalam ekosistem berita. Bagi wartawan, ia memerlukan penguasaan kemahiran baharu serta kemampuan berinteraksi secara langsung dengan khalayak tanpa mengabaikan prinsip etika dan integritiewartawanan. Sebagai contoh, liputan bencana banjir di beberapa negeri di Malaysia menunjukkan bagaimana wartawan perlu menggabungkan laporan lapangan dengan kemas kini masa nyata melalui platform digital dan media sosial bagi memastikan maklumat sampai dengan pantas dan tepat.

Bagi khalayak awam pula, perubahan ini membuka lebih banyak ruang untuk penglibatan aktif dalam proses penyebaran maklumat. Namun demikian, keadaan ini turut menuntut tahap literasi media yang lebih tinggi agar masyarakat mampu membezakan antara maklumat sahih dan kandungan yang tidak disahkan. Fenomena perkongsian video atau maklumat tidak tepat di media sosial semasa krisis kesihatan awam sebelum ini memperlihatkan kepentingan kesedaran literasi media buat kalangan pengguna.

Sementara itu, institusi media perlu melaksanakan transformasi strategik yang menyeluruh. Peranan mereka tidak lagi terbatas sebagai wahana penyampaian berita. Sebaliknya, peranan institusi ini sudah berkembang sebagai peneraju ekosistem maklumat yang dinamik. Hal ini melibatkan penyesuaian model operasi, strategi kandungan serta pendekatan penglibatan komuniti agar kekal relevan dan dipercayai dalam landskap media yang sentiasa berubah. Transformasi digital yang dilaksanakan oleh beberapa organisasi media tempatan, termasuk pengembangan platform dalam talian dan kandungan multimedia, mencerminkan usaha untuk menyesuaikan diri dengan keperluan khalayak era digital. Sebagai contoh, Astro Awani telah memperluas perannya daripada sekadar penyampai berita televisyen kepada peneraju maklumat digital dengan menghasilkan kandungan multimedia seperti video dalam talian, podcast dan siaran media sosial. Pada masa yang sama, penglibatan komuniti melalui forum dan interaksi digital turut diperkukuh bagi memastikan institusi media kekal relevan dan dipercayai dalam era digital.

### **Senario Yang Menanti**

Jika dilihat dari perspektif masa hadapan, neo-jurnalisme akan menjadi medan ujian utama bagi semua pemain dan pemegang taruh dalam dunia kewartawanan ekosistem berita. Perubahan yang berlaku bukan sekadar pada bentuk penyampaian atau penggunaan teknologi baharu, tetapi turut melibatkan transformasi menyeluruh dalam cara berita dihasilkan, diakses dan dinilai.

- Cabaran Wartawan Sebagai Penjaga Fakta dan Pemudahcara Interaksi
  - Penguasaan pelbagai kemahiran

Dalam landskap neo-jurnalisme, wartawan tidak lagi boleh bergantung kepada kemahiran tradisional semata-mata. Mereka perlu menggabungkan penulisan berita dan penyiasatan dengan kemahiran multimedia, analitik data serta penggunaan teknologi kecerdasan buatan. Perubahan ini menjadikan wartawan sebagai profesional "serba boleh" yang mampu menghasilkan kandungan merentas pelbagai platform digital. Dalam konteks Malaysia dan rantau ASEAN, perkembangan portal berita dalam talian, platform video digital dan podcast kewartawanan menunjukkan keperluan adaptasi kemahiran ini bagi memastikan penyampaian maklumat kekal relevan kepada khalayak yang semakin berseghmen (*Deuze, 2007; Hermida, 2010*).

- Pemelihara integriti di era pantas

Tekanan untuk menghasilkan kandungan secara segera dalam ekosistem media digital berpotensi menjejaskan ketepatan laporan. Oleh itu, peranan wartawan sebagai penjaga integriti maklumat menjadi semakin kritikal. Proses verifikasi fakta perlu dilaksanakan dengan teliti walaupun berdepan tuntutan kelajuan dan persaingan antara platform. Dalam beberapa situasi krisis seperti pandemik COVID-19 atau bencana alam di rantau Asia Tenggara, kewartawanan yang mengutamakan ketepatan berbanding sensasi terbukti penting dalam mengekalkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi media (*Wardle & Derakhshan, 2017; Reuters Institute, 2023*).

- Penyambung suara khalayak

Peranan wartawan dalam era neo-jurnalisme turut berkembang daripada sekadar pemberita kepada fasilitator wacana awam. Mereka berfungsi sebagai penghubung antara pelbagai suara dalam masyarakat, membuka ruang kepada dialog yang lebih inklusif serta membina naratif berita secara kolaboratif dengan khalayak. Pendekatan ini mencerminkan peralihan daripada komunikasi sehala kepada interaksi dua hala, di mana wartawan bukan sahaja menyampaikan maklumat, tetapi turut membentuk ruang perbincangan yang konstruktif dan berasaskan fakta. Dalam konteks media digital tempatan, penggunaan platform interaktif dan forum komuniti mencerminkan transformasi ini ke arah kewartawanan yang lebih partisipatif (*Waisbord, 2019*).

- Cabaran Khalayak Awam: Daripada Konsumer kepada Rakan Strategik
  - Penglibatan langsung

Dalam ekosistem neo-jurnalisme, khalayak tidak lagi sekadar penerima maklumat, tetapi turut menjadi penyumbang dalam proses pelaporan berita. Perkembangan teknologi digital membolehkan individu berkongsi gambar, video dan maklumat dari lapangan, sekaligus memperluas liputan media. Fenomena ini jelas terlihat dalam beberapa peristiwa di Malaysia dan rantau ASEAN, seperti bencana banjir atau gempa bumi, di mana maklumat awal sering muncul melalui media sosial sebelum disahkan oleh organisasi berita. Perubahan ini mencerminkan peralihan kepada model komunikasi yang lebih partisipatif (*Hermida, 2010; Allan, 2013*).

- Literasi media sebagai senjata utama

Keterbukaan ruang lebuhraya maklumat turut meningkatkan risiko penyebaran kandungan tidak sahih. Dalam persekitaran media sosial yang mempertemukan berita sahih dan palsu dalam satu garis masa, kemahiran menilai kesahihan sumber menjadi keperluan asas. Pengalaman semasa pandemik COVID-19 di Malaysia menunjukkan bagaimana kekurangan literasi media boleh mencetuskan kekeliruan

awam dan menjejaskan kepercayaan terhadap maklumat rasmi. Oleh itu, literasi media di kalangan khalayak awam perlu dilihat sebagai benteng utama dalam memastikan kualiti wacana masyarakat (*Pew Research Center, 2024; European Commission, 2023*).

- Kepentingan akauntabiliti bersama

Dalam konteks ini, tanggungjawab terhadap integriti ekosistem maklumat tidak terletak sepenuhnya pada media atau wartawan. Khalayak turut berperanan sebagai penjaga nilai melalui amalan perkongsian beretika dan penapisan sendiri. Inisiatif semakan fakta di peringkat tempatan dan serantau mencerminkan usaha kolektif dalam menangani maklumat palsu. Justeru, khalayak bukan sahaja pengguna berita, tetapi pemerhati kritikal yang menyumbang kepada keluhuran wacana maklumat (*Wardle & Derakhshan, 2017; Waisbord, 2019*).

- Cabaran Organisasi Media: Dari Menara Tinggi ke Medan Terbuka
  - Model perniagaan berbilang aliran

Institusi media tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada pendapatan pengiklanan tradisional. Dalam era neo-jurnalisme, kelangsungan organisasi berita bergantung kepada kepelbagaian sumber pendapatan seperti langganan digital, keahlian komuniti, penganjuran acara, penajaan strategik dan pelesenan kandungan. Di Malaysia dan rantau Asia Tenggara, peralihan kepada model hibrid ini semakin ketara apabila beberapa organisasi media memperkenalkan paywall, kandungan premium dan program komuniti bagi memastikan kelestarian operasi dalam persekitaran digital yang kompetitif (*Picard, 2011; Reuters Institute, 2023*).

- Kandungan pelbagai dimensi

Perancangan kandungan berita kini memerlukan pendekatan pelbagai format dan platform. Satu isu yang sama boleh disampaikan melalui video pendek di media sosial, laporan interaktif di laman web, podcast untuk audiens setia serta infografik bagi memudahkan pemahaman isu kompleks. Pendekatan multiplatform ini mencerminkan perubahan cara khalayak mengakses maklumat serta keperluan media menyesuaikan strategi penceritaan dengan tabiat penggunaan digital yang semakin dinamik (*Deuze, 2007; Pavlik, 2013*).

- Pelaburan dalam ketelusan dan kredibiliti

Dalam menghadapi cabaran *deepfake* dan manipulasi kandungan digital, pelaburan dalam teknologi pengesahan maklumat menjadi keutamaan strategik bagi organisasi media. Penggunaan sistem seperti *Content Credentials* (C2PA), penandaan sumber dan jejak digital kandungan dijangka menjadi piawaian industri

dalam usaha memulihkan dan mengekalkan kepercayaan awam terhadap media. Langkah ini selari dengan inisiatif global yang menekankan ketelusan sebagai asas kelestarian kewartawanan dalam era teknologi kecerdasan buatan (*Content Authenticity Initiative, 2025; Wardle & Derakhshan, 2017*).

- Hubungan organik dengan komuniti

Peranan media turut berkembang daripada penyampai maklumat kepada pemudah dialog masyarakat. Pendekatan komunikasi yang bersifat dua hala melalui forum komuniti, program lapangan dan platform interaktif membantu membina hubungan yang lebih organik antara media dan khalayak. Dalam konteks tempatan, penglibatan media dalam program komuniti serta kolaborasi dengan organisasi masyarakat mencerminkan usaha membentuk kewartawanan yang lebih inklusif dan berorientasikan masyarakat (*Waisbord, 2019*).

### **RUMUSAN BICARA**

Neo-jurnalisme bukan sekadar perubahan teknologi dalam penyampaian berita, tetapi merupakan anjakan paradigma yang membentuk semula hubungan antara wartawan, institusi media dan khalayak awam dalam satu ekosistem maklumat moden. Ia juga menentukan masa depan kewartawanan dan media berita yang lebih berwibawa. Dalam dunia yang dipenuhi aliran maklumat pantas dan pelbagai sumber digital, nilai teras kewartawanan seperti kebenaran, ketepatan dan integriti menjadi semakin penting sebagai asas kepercayaan awam terhadap media.

Perkembangan teknologi digital, termasuk kecerdasan buatan dan platform media sosial, membuka ruang baharu untuk inovasi dalam penceritaan berita. Namun, pada masa yang sama, ia turut meningkatkan risiko penyebaran maklumat palsu dan manipulasi kandungan. Pengalaman di Malaysia dan rantau Asia Tenggara, khususnya dalam situasi krisis seperti pandemik atau bencana alam, menunjukkan bahawa kewartawanan yang berteraskan verifikasi fakta dan tanggungjawab sosial memainkan peranan penting dalam mengekalkan kestabilan wacana awam (*Wardle & Derakhshan, 2017; Reuters Institute, 2023*).

Dalam konteks ini, masa depan kewartawanan bergantung kepada kemampuan semua pihak untuk menyesuaikan diri secara kolektif. Wartawan perlu memperkukuh kemahiran pelbagai disiplin, institusi media perlu melaksanakan transformasi strategik yang lestari, manakala khalayak awam perlu meningkatkan literasi media dan mengamalkan perkongsian maklumat secara beretika. Sinergi antara ketiga-tiga komponen ini akan menentukan sejauh mana ekosistem berita mampu berkembang secara inklusif, berdaya tahan dan dipercayai.

Jika adaptasi ini gagal, risiko yang dihadapi bukan sahaja melibatkan kemerosotan kualiti kewartawanan, tetapi juga hakisan kepercayaan masyarakat terhadap institusi media. Keadaan ini boleh membuka ruang lebih luas kepada penyebaran maklumat tidak sahih yang berpotensi menjejaskan kestabilan sosial dan demokrasi. Sebaliknya, jika neo-jurnalisme diterapkan secara beretika dan strategik, ia berupaya mengembalikan peranan media sebagai penjaga nilai, pemudahcara dialog masyarakat dan penggerak kesedaran awam.

Secara keseluruhannya, neo-jurnalisme harus dilihat sebagai peluang untuk memperbaharui fungsi kewartawanan dalam era digital. Dengan menggabungkan inovasi teknologi, literasi media yang tinggi dan komitmen terhadap etika profesional, dunia kewartawanan berpotensi membina ekosistem maklumat yang lebih demokratik, inklusif dan berorientasikan kebenaran. Pendekatan ini bukan sahaja penting untuk kelangsungan industri media, tetapi juga untuk memastikan masyarakat masa depan terus dipandu oleh wacana yang berasaskan fakta, tanggungjawab dan nilai kemanusiaan (*European Commission, 2023; Waisbord, 2019*).